

## PERBANDINGAN PRESTASI ANTARA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI SEMESTER AKHIR DENGAN SEMESTER EMPAT DARI PERSEPSI INDUSTRI

NG SIOK GIEK

*Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Unit Perhubungan Dan Latihan Industri, Kuantan, Pahang, Malaysia.*

*Email: giek.poli@l.govuc.gov.my*

### ARTICLE INFO

#### *Article history:*

Received

Accepted

Available online

#### *Kata Kunci:*

*Latihan industri, Latihan Industri Semester Empat (LISE), Latihan Industri Semester Akhir (LISA), industri*

### ABSTRAK

Lulus kursus latihan industri merupakan salah satu syarat yang diwajibkan ke atas setiap pelajar Politeknik Malaysia sebelum layak dipertimbangkan untuk penganugerahan diploma. Para pelajar akan ditempatkan di industri selama 20 minggu untuk mencapai beberapa objektif pembelajaran. Maka dengan itu, mengetahui kehendak industri terhadap pelajar latihan industri adalah amat penting agar pihak politeknik dapat membekalkan pelajar yang memenuhi keperluan industri. Pada masa ini, Politeknik Malaysia menggunakan 2 sistem latihan industri iaitu Latihan Industri Semester Empat (LISE) dan Latihan Industri Semester Akhir (LISA). Kajian ini dilaksanakan untuk menilai prestasi pelajar yang melalui sistem LISA dan LISE dari persepsi industri seterusnya membandingkan kumpulan pelajar ini dari segi kemahiran dan disiplin diri dari mata industri agar dapat mengetahui keperluan mereka. Di samping itu, menerusi keputusan analisis data juga boleh kita ketahui kecenderungan industri dalam pengambilan pelajar latihan industri. Jadi, keputusan kajian ini diharapkan dapat membantu Jabatan Pendidikan Politeknik merancang kurikulum yang dapat memenuhi kehendak industri seterusnya meningkatkan kualiti pelajar politeknik. 50 naskah borang soal selidik diedarkan kepada industri yang berpengalaman dalam pengambilan pelajar latihan industri dari kedua-dua semester yang dinyatakan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS 20. Hasil analisis mendapati pelajar dari sistem LISA memperoleh capaian penilaian yang lebih tinggi dari pelajar LISE dalam kedua-dua kriteria kemahiran dan disiplin yang diuji. Tambahan pula, terdapat 39 responden dari 50 responden lebih cenderung mengambil pelajar LISA berbanding pelajar LISE. Secara kesimpulannya, pihak industri berpendapat pelajar dari semester akhir mempunyai kemahiran dan disiplin yang lebih tinggi berbanding pelajar LISE.

### 1.0 PENGENALAN

Politeknik merupakan salah satu institusi pengajian tinggi di Malaysia yang melahirkan sumber tenaga kerja separa professional untuk memenuhi keperluan industri. Maka dengan itu, program diploma yang ditawarkan oleh politeknik menitikberatkan pembelajaran secara teori dan teknikal. Pelajar dikehendaki menghadiri kuliah selama 5 semester dalam politeknik dan menjalani latihan industri di industri untuk 1 semester.

Buku Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum AT 401 Kursus Latihan Industri Politeknik (2011) mendefinisikan latihan industri sebagai penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, samada di luar atau di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum dianugerahkan persijilan. Pelajar di bawah kurikulum AT 401 diwajibkan menjalani latihan industri selama 20 minggu dan 2 minggu lagi merupakan minggu penilaian di politeknik masing-masing. Kursus Latihan Industri AT 401 dilaksanakan dalam 2 kaedah iaitu Latihan Industri Semester Empat (LISE) dan Latihan Industri Semester Akhir (LISA) di dalam sistem politeknik. LISE dilaksanakan untuk majoriti program

di politeknik Malaysia dan LISA hanya dilaksanakan untuk beberapa program sahaja. LISA dilaksanakan bagi beberapa program terpilih di beberapa politeknik untuk mendapatkan data rintis untuk meninjau sama ada latihan industri lebih berkesan jika dilaksanakan pada semester empat ataupun semester akhir.

Latihan industri memainkan peranan yang penting sepanjang tempoh pengajian pelajar kerana ia merupakan pengalaman pertama pelajar didedahkan dalam alam pekerjaan sebenar. Dalam masa yang sama, pelajar juga merupakan bakal graduan yang akan menjadi sumber tenaga nanti. Jadi, mengetahui keperluan dan kehendak industri sebagai salah satu pemegang taruh adalah amat penting agar graduan politeknik memenuhi kehendak industri serta memiliki kebolehpasaran yang tinggi.

### 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Perlaksanaan latihan industri dalam dua kaedah iaitu Latihan Industri Semester Empat (LISE) dan Latihan Industri Semester Akhir (LISA) merumitkan proses perancangan latihan industri, penempatan pelajar dan juga penilaian pelajar bagi politeknik-politeknik yang terlibat. Dengan

mengetahui persepsi industri terhadap prestasi pelajar-pelajar dari semester yang berbeza ini, pelaksanaan latihan industri dapat diselenggarakan agar dijalankan sama ada pada semester empat atau semester akhir.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti keperluan industri dalam pengambilan pelajar latihan industri
- b) Menilai prestasi pelajar latihan industri dari persepsi industri
- c) Membandingkan prestasi pelajar LISA dan LISE dari persepsi industri.

### 4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Latihan industri boleh dikatakan satu langkah persediaan politeknik melatih tenaga kerja separa professional untuk disalurkan kepada industri. Maka dengan itu, hasil dapatan daripada kajian ini dapat mengenalpasti keperluan industri terhadap pelajar industri dan juga pekerja. Malumat ini amat berguna bagi menambahbaik kurikulum program diploma politeknik yang ditawarkan supaya graduan sesuai dengan keperluan industri sekaligus dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan politeknik. Pihak industri, sebagai salah satu pemegang taruh dalam penggunaan tenaga kerja separa professional, memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan latihan industri pelajar. Justeru itu, mengetahui persepsi industri juga membolehkan pihak politeknik membuat dasar untuk pelaksanaan latihan industri pada semester empat ataupun semester Akhir.

### 5.0 BATASAN KAJIAN

Oleh kerana bukan semua industri mempunyai pengalaman dalam menyelia pelajar dari semester empat dan semester akhir, maka penyelidik perlu memilih responden yang berpengalaman. Faktor ini telah menghadkan responden yang layak. Tambahan pula, kajian ini terhad kepada organisasi yang mengambil pelajar latihan industri di kawasan Kuantan, Pahang sahaja. Persepsi industri diperolehi melalui instrumen soal selidik.

### 6.0 KAJIAN LITERATUR

Persepsi industri dengan program latihan industri politeknik mempunyai hubungan rapat yang tidak boleh dipisahkan. Ini kerana tanpa penyediaan tempat latihan oleh industri, program latihan industri tidak dapat dijalankan. Melalui kolaborasi ini, pelajar ditunjuk ajar dengan jelas dan tepat bagaimana situasi sebenar di tempat kerja. Pengajian teori sahaja di IPT tidak dapat memenuhi keperluan semasa di tempat industri. Walaupun terdapat kajian-kajian tempatan dan luar negara yang meninjau persepsi syarikat terhadap pelajar latihan industri, namun tiada kajian yang membandingkan prestasi pelajar latihan industri dari semester yang berbeza.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh Rosmida, Akmalruljehan dan Zalina [9], sebanyak 5225 (73.44%) industri mencadangkan latihan industri dijalankan di semester akhir manakala sebanyak 1890 (26.56%)

industri memilih semester empat. Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Wan Nadirah Binti Rosli [1] dalam meninjau persepsi majikan terhadap pelajar latihan industri dari Kolej komuniti Jelebu, ada menyatakan 92% majikan berpuas hati dengan prestasi pelajar latihan industri. Tetapi, jika dianalisis perkara yang paling tidak memuaskan pihak majikan adalah pelajar Sijil Teknologi Elektrik (STE) tidak mampu bekerja sendiri dengan pengawasan yang minimum. Penulis berpendapat kumpulan pelajar ini hanya mengikuti pengajian di kolej selama setahun dan belum dapat menyesuaikan diri dengan suasana kerja sebenar.

Riam [10] dalam kajian membangunkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar politeknik Malaysia dari perspektif majikan dan pelajar menyatakan walaupun majikan berpuas hati dengan kemahiran insaniah pelajar latihan industri, tetapi kompetensi pelajar secara keseluruhan masih belum mencapai kehendak industri. Beliau menyarankan penekanan kemahiran insaniah perlu diterap dalam pelajar untuk memenuhi kehendak majikan. Dapatan ini selari dengan kajian Sharifah Hana Abd Rahman [4] yang mendapati tahap kepuasan bergantung kepada empat perkara utama iaitu penguasaan ilmu, sahsiah dan pembawaan diri yang baik, kemahiran generik dan juga kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran bekerja secara berpasukan dan juga etika moral dan professional.

Dalam kajian Nurkaliza Khalid [5] berhubung penilaian prestasi latihan ilmiah pelajar KUIS yang menjalani latihan industri pada tahun terakhir, beliau mendapati perspektif majikan terhadap tahap penguasaan kemahiran insaniah adalah pada tahap tinggi. Menurut majikan, pelajar mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, bergaul dengan baik serta bekerjasama semasa menjalankan tugas yang diberikan. Pelajar turut berkemampuan dalam menjaga ketepatan masa, berdedikasi dan bertanggungjawab serta menjaga penampilan dan etika semasa berada di organisasi.

Justeru itu, mengetahui kehendak industri terhadap pelajar politeknik menerusi kajian yang dijalankan adalah penting agar graduan yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam industri.

### 7.0 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan instrumen kajian, populasi kajian, prosedur pengumpulan data dan analisis data dengan lebih terperinci.

#### 7.1 Instrumen Kajian

Bagi mengetahui persepsi industri terhadap prestasi pelajar latihan industri, kaedah soal selidik telah diagihkan kepada industri untuk mengumpulkan data. Soal selidik terdiri daripada bahagian A, B dan C untuk membandingkan tahap prestasi pelajar latihan industri. Bahagian A mengandungi 6 item yang digunakan untuk meninjau persepsi industri terhadap kemahiran atau pengetahuan pelajar iaitu kemahiran penggunaan ICT dalam bidang kerja, kemahiran komunikasi interpersonal, kebolehan menyelesaikan masalah dalam tugas yang diberikan, kemampuan menyesuaikan diri di tempat kerja, kemahiran menulis laporan, dan pengetahuan pelajar dalam bidang kerja. Manakala bahagian B pula mengandungi 5 item yang berkaitan dengan disiplin pelajar termasuk kehadiran, bertanggungjawab, ketepatan masa, polisi, tatacara dan

peraturan dan bekerja secara kumpulan. . Bahagian C pula meninjau pihak industri lebih suka menerima pelajar semester empat atau semester akhir sebagai pelatih di syarikat. Pengukuran yang digunakan bagi soal selidik ini adalah berpandukan skala *Likert* Lima mata iaitu 1 (Lemah),2 (Kurang Memuaskan), 3 (Memuaskan), 4 ( Baik) dan 5 ( Cemerlang).

### 7.2 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada industri yang pernah mengambil pelajar latihan industri semester empat dan semester akhir. Sebanyak 50 industri telah dipilih sebagai responden kajian ini. Untuk memastikan populasi yang dipilih mempunyai pengalaman pengambilan pelajar latihan industri semester empat dan semester akhir, pemilihan telah dilakukan dengan merujuk kepada data yang terdapat dalam Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP) Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah [7] dan laman web zoning.lipoly.my[8].

### 7.3 Prosedur pengumpulan data

Data dikumpul secara kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada industri melalui Pensyarah Pemantau Latihan Industri sesi Disember 2014. Pensyarah Pemantau telah menyerahkan instrumen kepada responden (penyelia industri) pada sesi perbincangan mereka semasa lawatan penyeliaan pelajar latihan industri. Setelah penyelia industri selesai mengisi, pensyarah pemantau telah mengumpul terus borang tersebut. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat memastikan semua borang dapat dikumpul dan tiada responden yang menjawab instrumen melebihi sekali.

### 7.4 Analisis Data

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics versi 20*. Statistik deskriptif telah dimanipulasikan untuk melihat persepsi industri terhadap prestasi pelajar latihan industri semester empat dan semester akhir.


Statistik deskriptif yang digunakan melibatkan taburan kekerapan dan peratusan penilaian.

## 8.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

8.1 Bahagian A dalam borang soal selidik bertujuan meninjau persepsi industri terhadap kemahiran atau pengetahuan pelajar semester empat dan semester akhir.


#### SKALA PENGUKURAN:

- 1= LEMAH
- 2= KURANG MEMUASKAN
- 3= MEMUASKAN
- 4= BAIK
- 5= CEMERLANG




Rajah A1: Persepsi industri terhadap kemahiran penggunaan ICT dalam bidang kerja bagi pelajar LISA dan LISE

#### A2: Kemahiran Komunikasi Interpersonal



Rajah A2: Persepsi industri terhadap kemahiran komunikasi interpersonal bagi pelajar LISA dan LISE


#### A3: Kebolehan menyelesaikan masalah dalam tugas yang diberikan



Rajah A3: Persepsi industri terhadap kebolehan menyelesaikan masalah dalam tugas yang diberikan bagi pelajar LISA dan LISE


A1: Kemahiran penggunaan ICT dalam bidang kerja

A4: Kemampuan menyesuaikan diri di tempat kerja




Rajah A4: Persepsi industri terhadap kemampuan menyesuaikan diri di tempat kerja bagi pelajar LISA dan LISE

A5: Kemahiran Menulis Laporan



Rajah A5: Persepsi industri terhadap kemahiran menulis laporan bagi pelajar LISA dan LISE

A6: Pengetahuan Pelajar Dalam Bidang Kerja




Rajah A6: Persepsi industri terhadap pengetahuan pelajar dalam bidang kerja bagi pelajar LISA dan LISE

membandingkan kemahiran pelajar latihan industri dari semester empat dan semester akhir. Komen dari industri adalah memberangsangkan kerana keenam-enam item yang diuji mendapat maklumbalas yang baik.

Apabila dibandingkan tahap kemahiran antara pelajar dua semester ini, didapati industri berpendapat pelajar LISA adalah lebih cemerlang berbanding pelajar LISE yang kebanyakan pada tahap memuaskan sahaja. Lebih ramai pelajar LISA memperolehi tahap cemerlang dalam kesemua kriteria yang diuji. Hal ini mungkin disebabkan pelajar LISA telah lulus semua kursus dalam program sebelum menjalani latihan industri sedangkan pelajar LISE cuma belajar di politeknik selama 3 semester sahaja. Mereka perlu sambung pengajian selama setahun lagi setelah tamat latihan industri.


8.2 Item dalam bahagian B akan membandingkan pandangan industri ke atas disiplin pelajar latihan industri semester empat dan semester akhir.

B1: Kehadiran



Rajah B1: Persepsi industri terhadap kehadiran pelajar LISA dan LISE


B2: Bertanggungjawab



Rajah B2: Persepsi industri terhadap sikap bertanggungjawab pelajar LISA dan LISE


B3: Ketepatan Masa

Graf dari A1 hingga A6 mempamerkan hasil dapatan yang diperolehi dari industri dalam




Rajah B3: Persepsi industri terhadap ketepatan masa pelajar LISA dan LISE

B4: Polisi, Tatacara dan Peraturan



Rajah B4: Persepsi industri terhadap kepatuhan polisi, tatacara dan peraturan organisai pelajar LISA dan LISE

B5: Bekerja secara kumpulan



Rajah B4: Persepsi industri terhadap sikap bekerja secara kumpulan pelajar LISA dan LISE

Graf dari B1 hingga B5 memaparkan pandangan industri ke atas disiplin pelajar. Secara keseluruhannya,

pelajar-pelajar berada dalam tahap yang baik. Hanya 2% dari pelajar LISA berada di tahap kurang memuaskan. Pelajar LISA mencapai peratusan yang lebih tinggi dalam tahap baik dan cemerlang bagi kesemua kriteria disiplin berbanding pelajar LISE. Setelah dibandingkan, disiplin pelajar LISE majoriti berada di tahap Baik tetapi pelajar LISA pula lebih cemerlang.

8.3 Bahagian C dalam borang soal selidik merupakan satu persoalan kepada industri. Ia menanyakan kecenderungan industri dalam pengambilan pelajar latihan industri semester empat atau semester akhir.



Rajah 8.3: Statistik kecenderungan industri memilih pelajar LISE atau LISA

Carta pai di atas menunjukkan seramai 39 atau bersamaan dengan 78% industri daripada 50 berpendapat mereka lebih suka mengambil pelajar semester akhir berbanding pelajar semester empat setelah mempunyai pengalaman menyelia dan menilai pelajar-pelajar ini.

## 9.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Setelah dibandingkan pelajar LISE dan LISA dari segi kemahiran dan disiplin menerusi borang soal selidik yang dikumpul, pihak industri berpendapat prestasi pelajar LISA adalah lebih baik berbanding pelajar LISE. Hasil dapatan jelas menunjukkan industri lebih suka mengambil pelajar LISA sebagai pelatih berbanding pelajar LISE. Dapatan ini adalah sama dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Rosmida et al. (2014) [9] yang menyatakan industri lebih cenderung memilih mod pelaksanaan latihan industri semester akhir. Ini kerana pihak industri boleh terus mengambil pelajar industri yang berprestasi tinggi sebagai pekerja. Hal ini bukan sahaja dapat menjimat kos pengurusan industri malah juga dapat mempertingkatkan kadar kebolehpasaran graduan politeknik.

Sehubungan dengan itu, penyelidik mencadangkan agar sistem latihan industri di Politeknik Malaysia dapat diseragamkan ke semester akhir. Dengan hanya menggunakan 1 sistem, iaitu LISA membolehkan perancangan yang lebih baik dapat dilakukan pada masa akan datang oleh Jabatan Pendidikan Politeknik. Di samping itu, Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) juga dapat menguruskan penempatan pelajar, penyeliaan serta penilaian dengan lebih mudah. Ini kerana fikiran pelajar LISA lebih matang, mereka sangat mengambil serius semasa permohonan tempat latihan seterusnya telah mengurangkan masalah semasa latihan industri. Dari segi pelajar pula, sekiranya mereka diberi peluang untuk menjalani latihan di

semester akhir, mereka lebih yakin kerana telah mempelajari kesemua kurikulum di politeknik. Tambahan pula, bagi mereka yang berhasrat untuk bekerja selepas tempoh latihan industri, mereka lebih tekun dan gigih agar dapat diberi tawaran kerja sejujur selepas itu.

Pada masa akan datang, kajian yang berhubung tajuk ini boleh diperbincangkan dengan lebih lanjut dengan mendapatkan lebih ramai responden yang mempunyai pengalaman dalam menyelia pelajar latihan industri semester empat dan semester akhir. Ini bertujuan untuk mendapat data yang lebih tepat lagi. Di samping itu, persepsi majikan dalam prestasi pelajar latihan industri dari segi kemahiran generik dan kemahiran teknikal juga boleh dikaji.

## 10.0 Rujukan

[1]W.Nadirh.,(2013).Persepsi majikan terhadap prestasi pelajar latihan industri Kolej Komuniti Jelevu.Retrievedfrom <http://en.calameo.com/read/003971463db3e84a47fce>

[2]Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010), "Dasar Latihan Industri Institut Pengajian Tinggi Malaysia" Jabatan Pengajian Politeknik.

[3]Jabatan Pengajian Politeknik(2011),*Garis Panduan Pengurusan Dan Kaedah Penilaian Latihan Industri Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi*.

[4]Sharifah, H., A.Rahman., Zaini, Y., M.S. Rabi'ah, dan M. Salleh., (2015).Faktor-faktor kepuasan majikan terhadap pelajar latihan industri di Institut Pengajian Tinggi (IPT): Satu Sorotan. E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization.

[5] K.Nurkaliza., S. Rahmahtunnisah., O. Norziah., A.H.Nor 'Adha.,A. AbdulHadi., dan M.N. Mohdfarok.(2014).penilaian prestasi latihan ilmiah pelajar Kuis: Perspektif majikan. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL.

[6]A. Rashidah., dan N. Nurhuda. (2009). Kajian prestasi pelajar latihan industri Program Sijil Perakaunan Perniagaan, Kolej Komuniti Kuala Langat : Satu Tinjauan Daripada Persepsi Majikan. Seminar Penyelidikan dan Pembangunan

[7]Sistem pengurusan maklumat pelajar, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. Retrieved from <http://spmp.polisas.edu.my/>

[8] Sistem lawatan penyeliaan latihan industri. Retrieved from <http://zoning.lipoly.my/>

[9] A.G.Rosmida.,S. Akmalruljehan., dan M.A. Zalina. (2014). Kajian keberkesanan lisa bagi sesi latihan industri Disember 2013. Jabatan Pengajian Politeknik

[10] Riam, C.M. (2012). Developing soft skills in Malaysian Polytechnic students:Perspectives of employers and students. Asian Journal of Management Sciences And Education, 1 (2), 44-51